

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MOTIVASI DESA@KEMAS

DAN

PROGRAM BAKTI MADANI@KPT

PADA:

07 SEPTEMBER 2025 (AHAD)

11.00 PAGI

LOKASI:

MASJID TUMINAH HAMIDI

BAGAN DATUK, PERAK

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI)

MUKADIMAH

1. Untuk menjadi cemerlang, ia tidak pernah mudah. Ia menuntut pengorbanan, kesungguhan, dan semangat juang yang kental. Lihatlah bagaimana seorang petani desa sanggup turun ke sawah sejak subuh, atau seorang nelayan bertarung ombak di lautan demi sesuap rezeki. Kejayaan mereka bukan datang sekelip mata, tetapi hasil ketekunan yang tidak pernah putus.

2. Begitulah semangat yang kita bawa dalam **Program Motivasi Desa (MODE)** pada hari ini. Ia menjadi ikhtiar besar untuk menggilap potensi anak-anak desa, mempersiapkan mereka untuk menjadi insan cemerlang, dan seterusnya mencipta kejayaan.

3. Saya percaya, melalui motivasi kita dapat melahirkan belia desa yang **lebih berdisiplin, berpenampilan unggul, memiliki semangat kepimpinan, serta menguasai kemahiran komunikasi.** Dengan sifat-sifat ini, di mana sahaja anda berada,

Insya-Allah anda mampu berjaya. Kadangkala yang membezakan seseorang dengan yang lain bukanlah tempat dia membesar, tetapi **kelebihan atau the edge** – yang menjadikan dia lebih berdaya saing.

4. Justeru, saya ucapkan terima kasih kepada KEMAS dan UiTM yang berganding bahu sebagai rakan strategik membangunkan luar bandar. Sinergi ini membawa kepakaran dan pengisian ilmu untuk dibawa terus khusus ke Bagan Datuk.

5. Pada hari ini juga, kita menyaksikan pelancaran **Program Bakti MADANI bersama Kementerian Pendidikan Tinggi**. Program ini melengkapkan ekosistem pembangunan anak desa. Saya melihatnya sebagai satu platform baik untuk menghubungkan pelajar dengan komuniti, memahami kehidupan isu rumah di luar batas yang ada di samping memupuk semangat kesukarelawanan. Nilai memberi kembali *(giving back to the community)* ini amat penting untuk disemai dalam jatidiri anak muda.

6. Saya yakin, Insya-Allah usaha-usaha ini akan melahirkan bukan sahaja pelajar cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga insan yang seimbang, berakhlak mulia, dan memiliki jiwa kesukarelawanan.

“Ilmu menjadikan kita bijak, akhlak menjadikan kita dihormati, tetapi semangat memberi menjadikan kita manusia sebenar.”

Anak Desa, Harapan Negara

Hadirin sekalian,

7. Saya melihat program ini bukan sekadar mengisi masa, tetapi ia adalah **gerakan membina jiwa, menyemarakkan harapan, dan mengubah masa depan desa kita.**

8. Sejarah membuktikan, desa sering dilihat sebagai kawasan yang ketinggalan. **Sehingga tahun 2022, kadar kemiskinan luar bandar telah menurun sehingga 12%.** Saya melihat angka ini semakin menurun dengan pelbagai intervensi Kerajaan daripada pembangunan infrastruktur hinggalah pengukuhan modal insan.

9. Sebab itulah saya melihat MODE hadir tepat pada waktunya. Ia melengkapkan usaha Kerajaan untuk fokus melahirkan generasi desa yang bukan sahaja mampu keluar daripada belenggu kemiskinan, tetapi juga berdiri megah sebagai **pemimpin, usahawan, dan pencipta masa depan.**

10. Selain itu selain melahirkan insan yang cemerlang dari sudut akademikanya - saya percaya, melalui MODE kita akan membentuk anak-anak desa yang memiliki tiga kekuatan utama:

- **Adab yang tinggi** – asas integriti dan maruah.
- **Jatidiri yang kukuh** – untuk berani menghadapi cabaran apa jua keadaan.
- **Semangat patriotisme** – kerana kecintaan kepada tanah air adalah tonggak kejayaan bangsa.

11. Walaupun desa ini sering dipandang kecil, jangan sesekali kita memandang rendah potensinya. Jika kita membina desa bukan sahaja dengan kemajuan ekonomi, tetapi juga dengan pembinaan **modal insannya**, Insya-Allah anak-anak desa ini lah yang akan membawa desa keluar dari kepompong kemiskinan dan melakar lebih banyak kejayaan.

12. Sebab apa? Sebab kejayaan itu bukan sekadar lahir dari ketajaman akal, tetapi dari jatidiri yang kental — yang menjadikan tanah kecil tempat mereka berpijak, berdiri megah setinggi kejayaan mereka kelak.

UiTM & MODE: Menyemai Ilmu, Menyubur Jatidiri
Hadirin sekalian,

13. UiTM telah menjadi rakan strategik utama dalam Program Bakti MADANI, yang kini dilaksanakan merentasi negeri. Ini bukti jelas bahawa institusi pengajian tinggi negara sanggup turun padang,

menyantuni komuniti desa, dan membina modal insan yang holistik.

14. Sebelum ini lebih 50 Komander Kesatria UiTM telah diangkat sebagai anak angkat kepada 25 keluarga komuniti luar bandar, melibatkan aktiviti gotong-royong, kursus inovasi seperti penanaman cendawan tiram, dan sukan rakyat - semuanya bertujuan memperkasakan hubungan mahasiswa dengan masyarakat setempat.

15. Begitu juga di Perak, program Bakti Siswa Madani telah menyaksikan pelaksanaan aktiviti seperti mural kreatif, gotong-royong, klinik bola sepak, dan team building bagi menjalin hubungan erat antara mahasiswa dan komuniti luar bandar.

16. Saya mahu pelaksanaan di Bagan Datuk ini terus diperkukuh, berasaskan cara hidup masyarakatnya yang kaya dengan eko-pelancongan, inap desa, dan nilai kerohanian. Saya percaya, ilmu tidak boleh terkurung di menara gading semata-mata. Ia mesti mengalir ke desa—mendidik jiwa dengan nilai kesukarelawanan, menyemai empati, dan membekalkan kemahiran abad ke-21 seperti kepimpinan, komunikasi, serta daya fikir yang inovatif

17. Saya percaya program seperti ini adalah pelaburan jangka panjang masyarakat desa. Ia bukan hanya melahirkan pelajar

cemerlang akademik, tetapi juga insan yang berakhlak mulia, teguh jatidiri, dan mampu mencorak negara.

18. Saya juga mahukan dalam usaha kita untuk menjayakan impian besar ini, kita perlukan kerjasama semua pihak — kerajaan, swasta, universiti, NGO, dan masyarakat. Hanya dengan kebersamaan, desa yang kecil boleh menjelma sebagai nadi pembangunan negara.

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT SEJAHTERA (PPRS)

Hadirin sekalian,

19. Hari ini kita turut menyaksikan satu lagi bukti nyata bahawa kerajaan tidak pernah meminggirkan rakyat luar bandar. Melalui **Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)**, kita bukan sekadar menyerahkan kunci rumah, tetapi kita menyerahkan sebuah kehidupan baharu, sebuah harapan baharu, dan sebuah sinar kebahagiaan buat keluarga yang memerlukan.

20. PPRS adalah kesinambungan PPRT yang telah diperkasa dengan kadar bantuan lebih tinggi iaitu RM79,000 untuk bina baharu di Semenanjung, RM85,000 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, serta RM20,000 bagi baik pulih rumah di

seluruh negara. Rumah juga diperbesar kepada 680 kaki persegi dengan reka bentuk mesra syariah dan fleksibel.

21. Di negeri Perak, di bawah RMKe-12, sebanyak **678 rumah baharu** dan **2,679 baik pulih** dilaksanakan dengan peruntukan RM98.14 juta, memberi manfaat kepada lebih 16,000 keluarga. Bagi tahun 2025 sahaja, RM24.6 juta disalurkan untuk membina **157 rumah baharu** dan **514 baik pulih**.

22. Saya ambil satu contoh penerima, Puan Norhayati binti Abdul Hamid, seorang pekerja kedai makan yang tinggal bersama suami dan dua orang anak. Selama ini beliau menumpang di rumah keluarga. Namun, dengan izin Allah dan usaha Kerajaan, kini beliau bersama keluarganya dapat memiliki rumah sendiri.

23. Inilah juga bukti bahawa KKDW komited memastikan rakyat desa memiliki kediaman selesa, berkualiti dan bermaruah. Rumah bukan sekadar tempat berlindung, tetapi asas maruah dan kebahagiaan keluarga.

PENUTUP

24. Sebelum berakhir, saya ingin mengajak anda semua untuk bersama-sama memastikan setiap usaha besar yang digerakkan hari ini, sama ada melalui MODE yang membina insan cemerlang,

mahu pun PPRS yang menyediakan kediaman selesa dan bermaruah. Bersama-sama kita pastikan usaha ini benar-benar memberi manfaat kepada rakyat desa.

25. Saya yakin, dengan doa, dengan kerja keras, dan dengan dukungan padu semua pihak, insya-Allah kita akan berjaya melahirkan generasi luar bandar yang berilmu, berakhlak, berdaya saing, serta membina komuniti desa yang sejahtera di bawah payung Malaysia MADANI.

26. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Motivasi Desa (MODE)** anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat pada hari ini.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.